

## **PENGENALAN YAYASAN INFAQ ANGKASA**

1. Yayasan Infaq ANGKASA merupakan sebuah pemerbadanan yang diasaskan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Objektif penubuhan Yayasan ini adalah untuk membangunkan harta wakaf bagi kepentingan masyarakat umum selain dapat menyediakan saluran kebajikan yang sistematik, dinamik dan bersepadu. Selaras dengan perkembangan dana dan projek yang semakin memberi impak kepada masyarakat, Yayasan ini menyasarkan perkhidmatan kebajikan yang lebih meluas di dalam dan luar negara.
2. Misi dan visi Yayasan ini dapat dicapai dengan melaksanakan beberapa pendekatan seperti mengadakan seminar, rundingan, memberi taklimat secara langsung dan juga membuka kaunter bergerak bagi memudahkan lagi urusan sekiranya diperlukan. Yayasan ini menjalankan pengurusan yang profesional dan penuh integriti dengan urus tadbir dari Lembaga Pemegang Amanah yang berkepakaran yang meluas merangkumi bidang wakaf dan kewangan Islam.
3. Senarai nama Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Infaq ANGKASA:
  - i. YB. Ss. Dato' (Dr.) Hj. Nooh Bin Gadot (Pengerusi)
  - ii. YAD. Sahibus Samahah Dato' Dr. Hj. Anhar bin Hj. Opir
  - iii. Tan Sri Dr. Ismail bin. Hj. Ibrahim
  - iv. Dato' Ahmad Tajudin bin Abdul Rahman
  - v. Prof. Madya Dr. Ismail bin Mohd @ Abu Hassan
  - vi. Datuk Abdul Ghani bin Ngah
  - vii. Dato' Dr. Hj. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik
  - viii. Dr. Hj. Mohd Azlan bin Yahya
  - ix. Dato' Hj. Che Mohd Shukree bin Che Isa
  - x. Datuk Hj. Mohamad Ali bin Hasan

## **PERKHIDMATAN DAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH YAYASAN INFAQ ANGKASA**

1. Membuat kutipan dana Infaq bagi membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi, kesihatan dan lain-lain sektor masyarakat di Malaysia yang memerlukan melalui pengagihan sumbangan secara teratur dan sistematik.

2. Membuat kutipan dana Infaq ANGKASA melalui potongan gaji atau tunai daripada koperasi anggota ANGKASA, kakitangan kerajaan, badan-badan berkanun dan pelanggan-pelanggan Potongan gaji ANGKASA dan orang awam secara sukarela serta tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang negara dan dengan kebenaran pihak berkuasa yang mana berkenaan.
3. Mengadakan program, taklimat dan seminar berkenaan infaq di setiap negeri dalam rangka memberi kesedaran dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam mengenai kepentingan wakaf.
4. Melaksanakan program agihan dana Infaq seperti sumbangan bantuan mesin hemodialisis, bantuan kepada anggota koperasi anggota ANGKASA, kakitangan kerajaan, badan-badan berkanun dan pelanggan potongan gaji ANGKASA serta masyarakat setempat yang kurang berkemampuan serta memerlukan bantuan.
5. Bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri dan badan-badan wakaf berkenaan dalam urusan memperkasa dan mengembangkan wakaf serta pengurusan aset wakaf dengan menerima pelantikan sebagai nazir atau pengurus untuk menguruskan aset wakaf.
6. Menerima sumbangan atau dana atau derma dari mana-mana entiti seperti koperasi, syarikat korporat atau individu perseorangan sama ada dalam dan luar negara tertakluk kepada undang-undang semasa serta lain-lain aktiviti yang boleh mengumpul dana Tabung Amanah agar YIA kekal mampan dan berterusan pada masa hadapan.

#### **KATEGORI PENYUMBANG**

- i. Lembaga dan Jawatankuasa ANGKASA
- ii. Anggota koperasi
- iii. Pelanggan BPA
- iv. Koperasi dan Agensi
- v. Kakitangan koperasi
- vi. Kakitangan ANGKASA
- vii. Individu Awam
- viii. Dan lain-lain

## **KAEDAH MENYUMBANG**

- i. Melalui potongan Gaji ANGKASA (serendah RM1)
- ii. Tunai/ Cek
- iii. Perbankan Internet/ Online Transfer
- iv. JomPay
- v. QR Code
- vi. Post Terminal

*\*Jumlah sumbangan tunai tiada had minima dan maksima (seikhlas hati)*

## **DIREKTORI PENGURUSAN YAYASAN INFAQ ANGKASA**

**1. En. Mohd Safian Abdul Rahman**

Pengurus

03-7884 6767

[bard.angkasa@gmail.com](mailto:bard.angkasa@gmail.com)

**2. Pn. Shuhaida Salleh**

Pegawai

03-7884 6615

[shuhaida.angkasa@gmail.com](mailto:shuhaida.angkasa@gmail.com)

**3. Pn. Norkhaliza Mat Nayan**

Pegawai

03-7884 6674

[haliza.angkasa@gmail.com](mailto:haliza.angkasa@gmail.com)

**4. Cik Nor Asilahani Mohd Masudi**

Pegawai

03-7884 6717

[hani.angkasa@gmail.com](mailto:hani.angkasa@gmail.com)